

SULIT

1103/1

1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos / September
2017
2 $\frac{1}{4}$ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2017**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.


[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada faedah amalan membaca. Huraikan pendapat anda tentang faedah amalan membaca kepada murid. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Remaja pada hari ini merupakan aset negara dan pemangkin kemajuan negara.
Jelaskan ciri-ciri remaja yang berwawasan.
- 2 Warga tua merupakan teras masyarakat dan telah banyak berjasa terhadap negara. Oleh itu, golongan ini haruslah dihargai atas jasa dan pengorbanan mereka.
Huraikan usaha-usaha yang patut dilakukan bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka.
- 3 Program kitar semula yang disarankan oleh pihak kerajaan banyak mendatangkan manfaat.
Pada pendapat anda, apakah manfaat-manfaat yang diperoleh daripada program kitar semula ini?
- 4 Bencana alam seperti tanah runtuh, kemarau dan gempa bumi sering melanda dunia akhir-akhir ini.
Huraikan peranan yang dapat dilakukan oleh Malaysia untuk membantu negara-negara yang ditimpa bencana tersebut.
- 5 Kejadian banjir besar yang berlaku belakangan ini banyak mendatangkan masalah.
Tulis cerpen berkenaan suasana dan masalah akibat kejadian banjir tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos / September
2017

2 $\frac{1}{2}$ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2017**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang tanggungjawab pelbagai pihak dalam mempertahankan kedaulatan negara dan halangan-halangan dalam melaksanakannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Apabila mengimbuai sejarah lampau, kita tahu betapa peritnya pejuang kemerdekaan mahu memerdekakan negara ini daripada penjajahan dan sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara yang berdaulat. Namun begitu, sejauh manakah kita sebagai generasi masa ini dapat bertanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara?

Setiap warganegara perlu mengukuhkan jati diri yang disulami semangat patriotik dan nasionalisme dalam diri masing-masing. Jati diri ini perlu disertakan dengan ketinggian akhlak, nilai kesetiaan yang tidak berbelah bahagi, nilai rasionalisme dan disalutkan dengan kekuatan mental dan spiritual. Sebagai negara yang berbilang kaum, bahasa, agama dan budaya, perpaduan antara kaum perlu terus dikekalkan. Sikap etnosentrisme, iaitu menganggap bahawa cara hidup dan budaya etnik sendiri lebih unggul berbanding dengan cara hidup dan budaya warisan etnik lain dalam diri setiap warganegara harus ditolak.

Kita tahu bahawa generasi muda sekarang sangat terdedah kepada globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Keluasan dan kecepatan dunia Internet dan pendedahan kepada media sosial seperti *facebook*, *twitter* dan *instagram*, mendedahkan generasi muda kepada penjajahan bentuk baharu, iaitu penjajahan pemikiran. Tiada lagi peluru atau mortar dan serangan berdarah untuk menjajah generasi muda. Oleh itu, mereka perlu cakna dengan serangan bentuk penjajahan fikiran dan pemahaman ideologi. Atas sebab itulah generasi muda perlu memainkan peranan penting sebagai perwira negara untuk menangkis segala serangan penceroboh kedaulatan negara. Gerakan penjajahan pemikiran dan penanaman ideologi yang berbahaya memerlukan setiap warganegara mempunyai benteng diri, terutama dalam pemahaman agama yang betul.

Pemimpin negara perlu memastikan perlembagaan negara tidak dicabuli dan kedaulatan negara terjamin. Dalam hal ini, kerajaan dan pembangkang seharusnya berganding bahu demi memastikan Malaysia terus maju dan dihormati di mata dunia. Peristiwa pencerobohan di Lahad Datu, Sabah, pada tahun 2013 menyedarkan kita bahawa kerajaan juga perlu memastikan sistem pertahanan dan keselamatan negara diperkukuh.

Kita seharusnya berusaha untuk menjadi negara pengeluar atau negara pembuat bahan dan bukannya hanya beraksi sebagai negara pengguna. Peristiwa kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 menunjukkan kedaulatan negara boleh terancam. Tindakan spekulator yang rakus merampas ekonomi dan kewangan negara mampu menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara. Dalam hal ini Malaysia perlulah mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara luar, merangkumi bidang ekonomi, politik, sosial dan budaya. Apalah gunanya ada negara untuk kita diami sekiranya negara tersebut tidak mempunyai kedaulatan dan senang dihenyak-henyak oleh musuh.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tanggungjawab Mempertahankan Kedaulatan Negara'
oleh Mohd Khairul Riza Tuan Mohd Yusop,
Dewan Siswa, Ogos 2016

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *budaya warisan etnik*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa bentuk ancaman terhadap kedaulatan negara.
Apakah ancaman-ancaman tersebut? [3 markah]
- (iii) Ada pendapat mengatakan bahawa generasi muda kurang semangat patriotik dalam diri mereka.
Berikan pendapat anda. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pemandu pelancong, Encik Yuksel, telah memberitahu kami beberapa panduan berbelanja di Istanbul. Pertama, jangan beli barangan daripada penjual di tepi jalan. Kedua, jangan berjalan sendirian. Ketiga, jangan beritahu negara asal sekiranya ditanya oleh para pekedai. Keempat, jangan naik ke tingkat atas kedai sekiranya dipelawa. Kelima, tawar harga setiap barangan yang ingin dibeli sehingga 70 peratus. Keenam, jangan gunakan kad kredit sebab terlalu berisiko ditipu.

Wah, banyaknya pantang larang! Aku mulai rasa tidak selamat. Apatah lagi setelah mendengar cerita Hajah Normah bahawa pemandu-pemandu bas berbangsa Turki di Mekah hanya boleh berunding jika diberikan duit. Menurut Hajah Normah lagi, jemaah haji Turki, baik lelaki mahupun perempuan, biasanya bersikap kasar. Mereka suka merempuh jemaah yang lain ketika melakukan tawaf.

Aku membuat keputusan untuk berjalan bersama-sama dengan Kak Chah, Dr. Liza, Shahmeem, Hajah Zalehon dan Hajah Normah. Nampaknya, agak sukar juga menawar harga barangan yang ingin dibeli. Tiada tanda harga dipamerkan dan harga disebut hanya kepada sesiapa yang bertanya. Setelah singgah di beberapa buah kedai, kami mendapati bahawa perbezaan harga terlalu ketara. Contohnya, ada peniaga menjual rantai kunci dengan harga LT5, LT4, dan LT3 lira, sedangkan aku pernah bertanya kepada peniaga-peniaga kedai kecil di luar Istanbul dan diberitahu bahawa harga rantai kunci itu cuma satu setengah lira! Aku mula berasa menyesal kerana tidak membeli sedikit-sedikit sebelum ini.

Seorang lelaki berbaju-T merah, berjaket kulit hitam dan berwajah tampan keluar dari sebuah kedai menjual jaket kulit. Dia menyapa ramah.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'
oleh Maskiah Haji Masrom
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, nyatakan pesanan Encik Yuksel kepada aku dan ahli rombongannya. [2 markah]
- (ii) Aktiviti melancong memberi pelbagai manfaat kepada kita.
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang patut dilakukan sebelum melancong ke luar negara? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, “Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

Adapun Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya; sebab ia cerdik, lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar baginda Seri Amerta. Maka diperbuatkan baginda satu bangku tebal, di bawah lutut baginda, di sanalah ia memikul pedang, ialah yang menyampaikan titah raja barang sesuatu.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan tersebut, mengapakah Seri Amerta dilantik oleh Sultan Muzaffar Syah sebagai bentara? [2 markah]
- (ii) Apakah perkara yang telah disuarakan oleh Seri Amerta kepada Tun Perak? [3 markah]
- (iii) Tindakan Seri Amerta bertanya kepada Tun Perak tentang perbuatannya itu merupakan sikap yang terpuji.

Pada pendapat anda, mengapakah sikap suka bertanya tentang sesuatu perkara yang tidak diketahui wajar dijadikan amalan dalam kehidupan? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

GELANGGANG

Ini gelanggang kita
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih
lima dekad yang lalu
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu
di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat
dan air mata
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat
berpadu
kita pelihara gelanggang ini dengan kejaap sepenuh hati
kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan
demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh
hati nurani
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah
gelanggang
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini
agar kecemerlangan tercerna di persada arena
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

ONN MALINI

Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan rangkap kedua sajak tersebut, nyatakan **dua** kebaikan gelanggang. [2 *markah*]
- (ii) Negara yang aman dan harmoni menjadi idaman setiap warganegara.
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang patut dilakukan demi mewujudkan negara yang aman dan harmoni? [3 *markah*]
- (iii) Jelaskan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) melawat - merawat
- (ii) mengewap - menguap
- (iii) mengelar - menyelar

[6 markah]

(b) *Tukar ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Tugas mengemaskinikan maklumat carta organisasi Persatuan Bahasa Melayu telah kami laksanakan pada petang semalam.
- (ii) Bimbingan awak sangat kami perlukan untuk memastikan kertas kerja yang disediakan menepati format yang dikehendaki.
- (iii) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan adalah untuk melonjakkan kualiti pendidikan di negara ini.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Penulis mengabadi kisah hidup beliau sebagai negarawan dalam sebuah baiografi.
- (ii) Kualiti turapan jalan raya itu tidak penuhi speksifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya.
- (iii) Beberapa orang penjawat awam yang berprofail tinggi mengenal pasti oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia terlibat dalam penyalahgunaan kuasa.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kewujudan media sosial telah mencetuskan fenomena perang preskripsi dalam kalangan masyarakat masa kini.
- (ii) Senaman yang konsisten sambil teknik yang betul akan dapat mengatasi masalah hipotesis dan diabetes.
- (iii) Halia, pegaga dan serai adalah antara herbivor yang mempunyai perubatan nilai yang tinggi.

[6 markah]

(e) *Baca maksud peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa tersebut.*

- (i) Status orang yang berjawatan tinggi tidak akan terjejas walaupun bergaul dengan orang bawahannya.
- (ii) Seseorang yang menanggung akibat daripada kesalahan yang dilakukan oleh orang lain.
- (iii) Sesuatu adat dan budaya yang masih utuh dan sesuai diamalkan sepanjang masa.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Tirani karya Beb Sabariah

| PERSOALAN 1 | PERSOALAN 2 |
|-----------------------------|-----------------------------|
| Kegigihan mencapai kejayaan | Ketabahan menghadapi dugaan |

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan **satu** contoh peristiwa untuk kedua-dua persoalan di atas. [7markah]
- (b) Pengakhiran sebuah novel yang anda pelajari telah menarik minat anda kerana terdapat keistimewaannya yang tersendiri. [8 markah]
Jelaskan keistimewaan tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

1103/1

Bahasa
Melayu
Kertas 1
Kriteria
Penskoran
dan Perincian
Pemarkahan
2017

SULIT



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
NEGERI SEMBILAN 2017

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

KRITERIA PENSKORAN DAN
PERINCIAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat yang terkandung dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Kriteria penskoran ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

Kertas 1**Markah Penuh : 130****1.0 Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam**

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria yang berikut :

PERATURAN PEMARKAHAN SOALAN BAHAGIAN A

Arahan dalam soalan Bahagian A

- Panjangnya antara 200 – 250 patah perkataan.

KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

[30 *markah*]

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| <p align="center">Cemerlang</p> <p align="center">CA</p> <p align="center">CB</p> | <p align="center">26 – 30</p> <p align="center">(28 – 30)</p> <p align="center">(26 – 27)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tugas bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. • Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang. |
| <p align="center">Kepujian</p> <p align="center">KA</p> <p align="center">KB</p> | <p align="center">20 – 25</p> <p align="center">(23 – 25)</p> <p align="center">(20 – 22)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tugas bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas. • Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas. |
| <p align="center">Memuaskan</p> <p align="center">MA</p> <p align="center">MB</p> | <p align="center">15 – 19</p> <p align="center">(17 – 19)</p> <p align="center">(15 – 16)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tugas bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum. • Wacana masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tugas bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas. |

| | | |
|--|---|---|
| Kurang Memuaskan KMA KMB | 10 – 14 (12 – 14) (10 – 11) | <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tugas bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tugas bahan rangsangan dan huraian kurang jelas. |
| Pencapaian Minimum | 01 – 09 (06 – 09) (01 – 05) | <ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tugas bahan rangsangan. • Karangan tidak siap atau tergantung. |

* *Ungkapan yang menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.*

PERATURAN PEMARKAHAN SOALAN BAHAGIAN B

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Maksud kematangan dalam penulisan :
 - (a) Cara penulisan calon, lengkap dan betul wacana (ada kesinambungan idea).
 - (b) Tahap pemikiran / contoh yang diberikan menunjukkan pengetahuan yang luas (tidak hanya berkisar isu-isu di sekitarnya) – bacaan luas.
3. Semasa penandaan, *impression* pertama adalah paling tepat kerana kita telah menilai karangan calon dari segi tugas, bahasa dan olahan secara holistik.
4. Elakkan mencari kesalahan calon untuk menurunkan markah calon. Cari kekuatan yang ada pada skrip calon.
5. Bagi skrip cemerlang, perlu ada toleransi bagi kesalahan minimum kerana karangan cemerlang bukan bebas daripada kesalahan tatabahasa. Perlu dilihat secara holistik mana-mana kriteria yang lebih dominan.
6. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
7. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
8. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca :

| | |
|----|--|
| () | = Kesalahan isi |
| — | = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan |
| / | = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas) |
| // | = Kesalahan ejaan yang berulang |
| ○ | = Kesalahan tanda baca |

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[100 markah]**

| KRITERIA | DESKRIPSI |
|-------------------------------|---|
| 1. BAHASA (Mekanis) | <ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan – kata (morfologi) – ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan |
| 2. LARAS (Dinamis) | <ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan kosa kata |
| 3. IDEA (ISI) | <ul style="list-style-type: none"> • Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian / bahasa / hujahan / contoh) • Kerelevanan |
| 4. PENGOLAHAN | <ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerenggan • Format |
| 5. GAYA BAHASA | <ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa |

[Lihat halaman sebelah
SULIT

KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|-----------------------|-------------------------------------|--|
| Cemerlang CA CB | 80 – 100 (90 – 100) (80 – 89) | <ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis. • Laras bahasa yang sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa sangat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. |
| Kepujian KA KB | 66 – 79 (73 – 79) (66 – 72) | <ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. • Laras bahasa yang sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa sangat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. |

| | | |
|--------------------------------|-----------------------------------|---|
| Baik BA BB | 51 – 65 (58 – 65) (51 – 57) | <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan pelbagai ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. |
| Memuaskan MA MB | 36 – 50 (43 – 50) (36 – 42) | <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan minimum. • Ayat kurang gramatis. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan kurang menarik. • Wacana masih / kurang lengkap. |
| Kurang Memuaskan KMA KMB | 21 – 35 (28 – 35) (21 – 27) | <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian isi tidak jelas dan contoh kurang sesuai. • Penggunaan kata kurang tepat. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. |

| | | |
|--------------------|-----------|--|
| Pencapaian Minimum | 01 – 20 | <ul style="list-style-type: none"> • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Keseluruhan karangan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. |
| PMA | (11 – 20) | |
| PMB | (01 – 10) | |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

**PANDUAN PEMERIKSAAN
BAHAGIAN A
&
BAHAGIAN B**

PANDUAN PEMERIKSAAN**SOALAN BAHAGIAN A (30)**

1. **Format penandaan dan ulasan pemeriksa haruslah pada tiga aspek yang berikut :**

T (Tugasan) – menepati tugasan

I (Idea) – idea relevan, huraian jelas

B (Bahasa) – gramatis dari segi kata dan ayat

***Lebih baik jika pemeriksa dapat memasukkan aspek P (Pengolahan) dalam komen.**

2. Calon mesti menghuraikan faedah amalan membaca kepada murid.

3. Calon mesti menjawab tugasan berdasarkan idea / isi / maklumat yang diberi, iaitu :

- Memupuk nilai-nilai murni
- Membantu murid lulus dengan cemerlang
- Mengetahui isu semasa di dalam dan di luar negara

4. Jika calon menambah isi keempat dan berkaitan dengan faedah amalan membaca diterima.

5. Sekiranya calon mengambil satu isi yang diberikan dan ditambah dengan isi lain, periksa seperti biasa.

6. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, markah maksimum peringkat kepujian.

Dalam aspek penandaan, pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200 hingga 250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45 minit kerana tidak mahu menyekat daya kreativiti calon di samping memberikan keyakinan kepada calon yang tidak mempunyai kemampuan untuk menulis lebih panjang.

BAHAGIAN B – Respons terbuka (100)**Soalan 1 :**

Remaja pada hari ini merupakan aset negara dan pemangkin kemajuan negara.

Jelaskan ciri-ciri remaja yang berwawasan.

Tugasan Soalan :

1. Calon mesti menulis remaja pada hari ini merupakan aset negara dan pemangkin kemajuan negara dengan berfokuskan ciri-ciri remaja yang berwawasan.

2. Karangan tidak berformat.

3. **Kemungkinan jawapan calon :**

- Cemerlang dalam aspek akademik, remaja berwawasan mestilah mempunyai ilmu pengetahuan dalam semua bidang – proaktif menimba ilmu pengetahuan terutama dalam bidang sains dan teknologi. Tidak jemu menimba ilmu pengetahuan untuk memiliki mentaliti / minda kelas pertama.
- Remaja yang berilmu pengetahuan dapat membuat penilaian dan keputusan yang bijak dalam menghadapi kehidupan yang penuh ranjau.
- Sentiasa dinamik dan progresif dalam menjalankan sesuatu tugas. Dinamik dimaksudkan sebagai perubahan yang lebih baik daripada sebelumnya. Remaja yang dinamik tidak memiliki ciri negatif seperti berputus asa sebaliknya bersemangat tinggi dan mempunyai daya juang yang tinggi.
- Patuh ajaran agama – setiap agama menekankan aspek rohani dan sahsiah terpuji dalam menjalani kehidupan seharian. Ajaran agama yang kukuh membolehkan remaja meningkatkan keyakinan diri dan tidak mudah terlibat dalam gejala sosial.
- Kreatif dan inovatif bagi memacu kegemilangan negara – remaja yang kreatif dan inovatif mampu mempelajari bidang baharu sekali gus mengecapi kejayaan.
- Mempunyai tahap disiplin diri yang tinggi dalam apa-apa perkara yang dilakukan – remaja yang berdisiplin lebih mudah mencapai wawasan diri berbanding dengan remaja yang tidak berdisiplin dan sentiasa mengharapkan bantuan orang lain.
- Menghormati ibu bapa dan guru-guru – Remaja yang berwawasan menyedari bahawa mereka tidak mungkin berjaya tanpa bantuan dan doa ibu bapa dan para guru. Ibu bapa

menjadi pendorong dan penggalak kejayaan remaja dan para guru ibarat lilin yang membakar diri menerangi orang lain.

- Bersemangat patriotik / cinta akan negara – Remaja yang berwawasan mesti mempunyai semangat patriotik yang menebal dalam jiwa atau semangat cinta akan negara yang tidak berbelah bahagi. Remaja yang cinta akan negara bakal memimpin negara suatu hari nanti dan mereka merupakan aset penting negara. Imej negara dipelihara sebaik-baik mungkin daripada tercemar dan menjadi cemuhan masyarakat lain.

* Idea @ isi lain yang relevan dan sesuai boleh dipertimbangkan / diterima.

Soalan 2 :

Warga tua merupakan teras masyarakat dan telah banyak berjasa terhadap negara. Oleh itu, golongan ini haruslah dihargai atas jasa dan pengorbanan mereka.

Huraikan usaha-usaha yang patut dilakukan untuk menghargai jasa dan pengorbanan mereka.

Tugasan Soalan :

1. Calon mesti menjelaskan jasa-jasa dan pengorbanan warga tua terhadap negara. Contohnya, mereka telah melahirkan modal insan cemerlang untuk pembangunan negara, pemimpin yang berwawasan dan mengharumkan negara.
2. Calon mesti menyatakan usaha-usaha yang patut dilakukan untuk menghargai jasa dan pengorbanan warga tua.
3. Diharapkan calon dapat menulis tugasan berdasarkan kehendak soalan.
4. Jika calon hanya menyatakan usaha-usaha tanpa menjelaskan jasa-jasa dan pengorbanan – maksimum **kepujian**.
5. Diharapkan calon dapat menyatakan usaha banyak pihak (sekurang-kurangnya tiga pihak untuk menghargai jasa dan pengorbanan warga tua. Antara pihak tersebut ialah kerajaan, keluarga, swasta, badan bukan kerajaan atau NGO, masyarakat setempat ataupun orang perseorangan @ persendirian.
6. Jika calon mengemukakan tiga idea, dihuraikan dengan jelas dan matang, ayat gramatis @ bahasa gramatis, contoh sesuai dan ada ungkapan menarik – menepati kriteria penskoran layak **cemerlang**.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

7. Jika calon menyatakan usaha satu atau dua pihak sahaja dan dihuraikan dengan jelas – maksimum tahap **baik bawah** sahaja.

8. **Kemungkinan jawapan calon :**

- Ahli keluarga menyambut dan meraikan warga tua dalam sesuatu majlis @ kenduri kesyukuran sama ada dilakukan di rumah atau di luar rumah.
- Ahli keluarga memberikan hadiah kepada warga tua sebagai tanda penghargaan dan kasih sayang serta pengorbanan warga tua.
- Menyampaikan ucapan penghargaan sebagai tanda terima kasih secara lisan ataupun kiriman kad ucapan atau mesej sebagai tanda ingatan atas sumbangan dan khidmat bakti warga tua oleh ahli keluarga.
- Ahli keluarga membawa warga tua pergi melancong atau bercuti, menunaikan umrah dan ziarah.
- Menjaga kebajikan, makan minum, pakaian, tempat tinggal yang selesa, rawatan perubatan @ kesihatan supaya nasib warga tua terbela.
- Anak-anak sentiasa menziarahi warga tua dan bertanya khabar supaya warga tua tidak berseorangan sehingga menjejaskan mental dan fizikal.
- Masyarakat setempat memberikan pengiktirafan berupa sumber kewangan, hamper, hadiah dan sijil kepada warga tua.
- Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti gabungan belia dan persatuan penduduk setempat, perkumpulan wanita dan seumpamanya mengadakan majlis meraikan warga tua bagi mengiktiraf peranan dan sumbangan warga tua.
- Mengadakan sambutan hari warga tua.
- Pihak kerajaan terutama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengadakan sambutan Hari Warga Tua pada setiap tahun bagi menghargai dan mengiktiraf peranan warga tua – memberikan sijil penghargaan, memberikan sumbangan @ hadiah berbentuk wang dan memilih tokoh warga tua berjasa.
- Media massa seperti surat khabar, televisyen dan Internet menyiarkan cerita @ berita berkaitan dengan pengorbanan dan penderitaan hidup warga tua – contoh rancangan yang disiarkan oleh TV3, iaitu ‘Bersamamu’ memaparkan pelbagai pihak yang sanggup menghulurkan sumbangan dan bantuan kepada warga tua yang daif. Hal ini menyedarkan masyarakat tentang pentingnya warga tua dalam hidup manusia.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- Kerajaan memberikan rawatan kesihatan percuma seumur hidup terhadap warga tua.
- * Idea lain yang relevan boleh diterima.

Soalan 3 :

Program kitar semula yang disarankan oleh pihak kerajaan banyak mendatangkan manfaat.

Pada pendapat anda, apakah manfaat-manfaat yang diperolehi daripada program kitar semula ini.

Tugasan soalan :

1. Calon mestilah memberikan pendapat tentang manfaat-manfaat yang diperolehi daripada program kitar semula seperti yang disarankan oleh pihak kerajaan.
 2. Karangan berbentuk pendapat – tiada format.
 3. **Kemungkinan jawapan calon :**
 - Persekitaran lebih bersih dan menjamin kesihatan manusia.
 - Kurang pencemaran bau busuk hasil longgokan sampah dan bahan buangan – udara lebih bersih.
 - Menjimatkan kos pada jangka masa panjang.
 - Dapat memupuk nilai murni dalam kehidupan seharian seperti bertanggungjawab dan peka terhadap alam sekitar.
 - Memberikan peluang pekerjaan kepada orang ramai di pusat pelupusan sampah atau di kilang kitar semula.
 - Dapat menangani masalah kekurangan tapak pelupusan sampah @ tempat pelupusan sampah yang terhad.
 - Kesan rumah hijau dapat dikurangkan.
- * Jawapan @ idea lain yang lebih relevan dan sesuai diterima.

Soalan 4 :

Bencana alam seperti tanah runtuh, kemarau dan gempa bumi sering melanda dunia akhir-akhir ini.

Huraikan peranan yang dapat dilakukan oleh Malaysia untuk membantu negara-negara yang ditimpa bencana tersebut.

Tugasan Soalan :

1. Calon mesti menghuraikan peranan yang boleh dilakukan oleh Malaysia untuk membantu negara-negara yang ditimpa bencana seperti yang dinyatakan dalam soalan.
2. Jika calon dapat menghuraikan ketiga-tiga bencana alam seperti yang dikehendaki dalam soalan, bahasa gramatis, idea matang, ada ungkapan menarik serta peranan pihak tertentu sama ada kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan dan pihak persendirian di Malaysia layak **cemerlang**.
3. Jika calon hanya menghuraikan bencana alam sepintas lalu secara panjang lebar tanpa menyebut peranan yang boleh dimainkan oleh pelbagai pihak di Malaysia – maksimum **memuaskan sahaja**.

Kemungkinan Jawapan Calon :

- Bantuan dari segi kewangan / wang ringgit melalui kutipan tabung bencana alam.
- Bantuan dari segi pasukan penyelamat seperti HAZMAT, JPAM dan pasukan tentera darat dan udara Malaysia.
- Bantuan makanan, minuman dan keperluan-keperluan lain bagi meringankan beban mangsa.
- Bantuan pasukan perubatan seperti MERCY, Bulan Sabit Merah dan rawatan perubatan.
- Bantuan kaunseling kepada mangsa yang terlibat oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terhadap mangsa yang trauma.
- Bantuan oleh Angkatan Tentera Malaysia mendirikan khemah atau tempat tinggal sementara terhadap mangsa yang terselamat.
- Calon menyatakan sekurang-kurangnya satu contoh negara yang terlibat dalam bencana layak cemerlang. Jika tidak menyebut satu contoh negara yang terlibat, idea berkembang dan bahasa gramatis – maksimum **kepujian**.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 5 :

Kejadian banjir besar yang berlaku belakangan ini banyak mendatangkan masalah.

Tulis cerpen berkenaan suasana dan masalah akibat kejadian banjir tersebut.

Tugasan soalan:

1. Karangan berformat cerpen. Tolak 1 markah jika tiada tajuk, **1 markah** ditolak jika tiada nama penulis. Maksimum penolakan markah format – **2 markah**.
2. Calon dikehendaki menulis cerpen yang menggambarkan suasana dan masalah yang berlaku akibat kejadian banjir besar yang berlaku belakangan ini.
3. Jika calon menulis dan menggambarkan suasana tanpa menghuraikan masalah yang berlaku akibat banjir tersebut – maksimum **baik bawah**.
4. Jika calon menulis permasalahan yang timbul akibat banjir tersebut tanpa menggambarkan suasana – maksimum **baik bawah**.
5. Diharapkan calon menulis kedua-dua bahagian seperti kehendak soalan.

Kemungkinan jawapan calon :

- Menggambarkan suasana dan masalah mangsa banjir yang mengalami trauma ketika banjir.
- Menggambarkan suasana dan masalah mangsa banjir yang mengalami tekanan emosi @ perasaan.
- Menggambarkan suasana dan masalah mangsa banjir menyelamatkan diri dan harta benda.
- Menggambarkan suasana dan masalah pasukan penyelamat menyelamatkan mangsa banjir.
- Menggambarkan suasana dan masalah penyelamat menghulurkan bantuan.

Kemungkinan masalah yang timbul :

- Kehilangan nyawa dan harta benda.
- Kemusnahan tempat tinggal @ dihanyutkan air yang deras.
- Kehilangan orang yang tersayang seperti anak dan isteri, ibu bapa dan orang tua.
- Masalah tempat tinggal.
- Masalah terputus hubungan.
- Masalah mendapatkan pertolongan dan bantuan makanan, pakaian dan tempat tinggal.
- Penyakit berjangkit atau bawaan air – cirit-birit, muntah dan sebagainya.

* Jawapan @ idea yang relevan dan sesuai boleh diterima.

SULIT

1103/2(PP)

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan
Pemarkahan
2017



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2017

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 19 halaman bercetak.

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- (a) Isi – 20 markah
 (b) Bahasa – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata depan di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| Bahagian | | Markah | | | | | | | | | | Markah Maksimum |
|----------|--------------|----------------------|----|----|---|---|---|----|----|----|----|-----------------|
| (i) | Pendahuluan | | | | | | | | | | | 2 |
| (ii) | Isi Tersurat | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 16 | |
| (iii) | Isi Tersirat | 12 | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 | | |
| (iv) | Kesimpulan | | | | | | | | | | | 2 |
| | | Jumlah markah | | | | | | | | | | 20 |

[Lihat halaman sebelah

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan di dalam jadual yang berikut :

| Peringkat | Markah Isi | Markah Bahasa | Huraian |
|-----------|--------------------|-----------------|--|
| Baik | 18 - 20 15 - 17 | 9 - 10 7 - 9 | <ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi baik • Struktur ayat / tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda baca / ejaan betul |
| Sederhana | 12 - 14 8 - 11 | 6 - 7 4 - 6 | <ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi masih baik • Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan • Kosa kata masih memuaskan • Tanda baca / ejaan juga memuaskan |
| Lemah | 1 - 7 | 1 - 4 | <ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan |

Nota :

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Pendahuluan [2 markah]**Markah**

| | |
|---|---|
| Petikan membincangkan peranan / tugas pelbagai pihak dalam mempertahankan kedaulatan negara ini / Malaysia. | 2 |
| Petikan membincangkan peranan / tugas pelbagai pihak dalam mempertahankan kedaulatan negara dan bentuk-bentuk ancaman terhadap kedaulatan negara. | 2 |
| Rumusan ini membincangkan peranan / tugas pelbagai pihak dalam mempertahankan kedaulatan negara dan halangan-halangan dalam melaksanakannya. | 2 |
| Petikan membincangkan peranan pelbagai pihak dalam mempertahankan kedaulatan negara dan halangan-halangan dalam melaksanakannya. | 1 |
| Petikan / Rumusan membincangkan tanggungjawab pelbagai pihak dalam mempertahankan kedaulatan negara dan halangan-halangan dalam melaksanakannya. | 0 |

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

- Tanggungjawab dalam mempertahankan kedaulatan negara

| | | |
|-----|---|---|
| S1 | Setiap warganegara perlu mengukuhkan jati diri yang disulami semangat patriotik dan nasionalisme dalam diri masing-masing. | 2 |
| S2 | Perpaduan antara kaum perlu terus dikekalkan. | 2 |
| S3 | Sikap etnosentrisme harus ditolak. | 2 |
| S4 | Perlu cakna dengan serangan bentuk penjajahan fikiran dan pemahaman ideologi. | 2 |
| S5 | Generasi muda perlu memainkan peranan penting / sebagai perwira negara (boleh ditiadakan) / untuk menangkis segala serangan penceroboh kedaulatan negara. | 2 |
| S6 | Setiap warganegara mempunyai benteng diri, terutama dalam pemahaman agama yang betul. | 2 |
| S7 | Pemimpin negara perlu memastikan perlembagaan negara tidak dicabuli dan kedaulatan negara terjamin. | 2 |
| S8 | Kerajaan dan pembangkang seharusnya berganding bahu memastikan Malaysia terus maju dan dihormati di mata dunia. | 2 |
| S9 | Memastikan sistem pertahanan dan keselamatan negara diperkukuh. | 2 |
| S10 | Berusaha untuk menjadi negara pengeluar / negara pembuat bahan dan bukannya hanya beraksi sebagai negara pengguna. | 2 |

[Lihat halaman sebelah

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

- Halangan-halangan dalam melaksanakannya.

- | | | |
|----|--|---|
| T1 | Generasi muda kurang sensitif terhadap isu kedaulatan negara. | 2 |
| T2 | Masyarakat kurang penghayatan terhadap sejarah negara. | 2 |
| T3 | Masyarakat memandang ringan ancaman terhadap kedaulatan negara. | 2 |
| T4 | Sikap masyarakat yang hanya mementingkan kehidupan harian masing-masing. | 2 |
| T5 | Masyarakat berada dalam zon selesa. | 2 |

***(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

Kesimpulan[2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, semua pihak perlu memainkan peranan dalam menjaga kedaulatan negara supaya keamanan negara terpelihara. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, semua pihak perlu turut serta dalam menjaga kedaulatan negara. | 1 |

***(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)**

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

| | |
|-------------|------------|
| Soalan 2(a) | : 9 markah |
| Soalan 2(b) | : 9 markah |
| Soalan 2(c) | : 8 markah |
| Soalan 2(d) | : 9 markah |

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis | 1 |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis | 1 |
| - Jawapan tidak tepat / salah | 0 |

2. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| - Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis | 1 |
| - Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

3. Soalan 4 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| - Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat masih gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(a) : Petikan Umum**(i) Maksud *budaya warisan etnik***

- budaya : tamadun / peradaban / cara hidup 2
- warisan : peninggalan / turun-temurun / legasi
- etnik : suku kaum

- budaya turun-temurun / suku kaum 1

- tamadun / peradaban / cara hidup / warisan suku kaum 1

* **satu tidak ditukar dan 1 betul layak mendapat 1 m**

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Ancaman-ancaman tersebut ialah (Isi cukup – 2)

- generasi muda sekarang sangat terdedah kepada globalisasi dan dunia tanpa sempadan.
- generasi muda terdedah kepada penjajahan bentuk baharu.
- peristiwa kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 menunjukkan kedaulatan negara boleh terancam.
- tindakan spekulator yang rakus merampas ekonomi dan kewangan negara mampu menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara.

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Ada pendapat mengatakan bahawa generasi muda kurang semangat patriotik dalam diri mereka. (Isi cukup – 3)**Setuju :**

- Tidak berminat untuk mengambil tahu dan menghayati sejarah negara sendiri.
- Sikap etnosentrisme yang menebal.
- Hanya mementingkan pencapaian sendiri dan bukannya untuk negara / bersikap individualistik / bersikap keakuan.
- Menggunakan media sosial untuk memburukkan negara.
- Melakukan perkara-perkara yang merosakkan imej negara.

[Maksimum: 4 markah]

***(Pendapat lain yang sesuai boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah

Tidak setuju :

- Remaja mencemerlangkan diri untuk meningkatkan imej negara.
- Sentiasa mematuhi perlembagaan dan undang-undang negara.
- Mengamalkan sikap bertolak ansur dalam kalangan masyarakat berbilang kaum / hormat-menghormati.
- Sentiasa cakna dan menyahut seruan negara.

[Maksimum: 4 markah]

*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen**(i) Pesanan Encik Yuksel :**

- Jangan membeli barangan daripada penjual di tepi jalan 1
- Jangan berjalan sendirian 1
- Jangan beritahu negara asal sekiranya ditanya oleh para pekedai 1
- Jangan naik ke tingkat atas kedai sekiranya dipelawa 1
- Tawar harga setiap barangan yang ingin dibeli sehingga 70 peratus 1
- Jangan gunakan kad kredit sebab terlalu berisiko ditipu 1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Pendapat : Langkah-langkah

- Mengenal pasti tahap keselamatan di negara tersebut 1
- Mengenal pasti tempat-tempat menarik di negara tersebut dan lokasinya 1
- Mengetahui adat resam atau budaya penduduk di situ 1
- Mempelajari sedikit bahasa negara tersebut 1
- Menukar mata wang dan mengetahui nilai mata wang negara tersebut 1

[Maksimum: 3 markah]

*(Langkah lain yang berkaitan boleh diterima)

[Lihat halaman sebelah

(iii) Satu pengajaran dalam petikan

- Kita mestilah mematuhi pesanan pemandu pelancong demi keselamatan diri 1
Cth : Aku mendengar dan akur terhadap pesanan yang diberikan oleh pemandu pelancong, Encik Yuksel. 1
- Kita hendaklah sentiasa mengutamakan keselamatan diri 1
Cth : Aku berjalan secara berkumpulan sewaktu melancong di Istanbul. 1
- Kita haruslah melakukan tindakan yang bijak sebelum berbelanja 1
Cth : Aku membuat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barangan yang dijual. 1

Satu pengajaran dalam cerpen

- Kita mestilah mengamalkan sikap saling membantu 1
Cth : Aku membantu Shahmem memakai jaket kulit ke tubuhnya. 1
- Kita mestilah merancang perbelanjaan agar tidak berlaku pembaziran 1
Cth : Aku menyenaraikan barang yang akan dibelinya di Istanbul sebagai oleh-oleh untuk keluarga dan rakan-rakannya. 1
- Kita hendaklah memiliki rasa sayang akan haiwan 1
Cth : Aku mahu menjual jaket kulit kijang yang dibelinya dan wang hasil jualan itu akan didermakannya kepada zoo yang memiliki kandang kijang. 1

[Maksimum : 4 markah]***(Pengajaran lain yang berkaitan boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional**(i) Sebab :**

- Seri Amerta seorang yang cerdik 2
- Dia bijak / petah berkata-kata 2

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Perkara yang telah disuarakan oleh Seri Amerta :

- Semua orang Kelang menghadap sultan 1
- Semua orang Kelang membuat aduan kepada sultan 1
- Orang dari teluk rantau yang menghadap sultan semuanya lelaki 1
- Orang Kelang yang dibawa oleh Tun Perak menghadap sultan termasuklah perempuan 1
- Seri Amerta ingin tahu sebab tindakan Tun Perak itu 1

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Alasan Wajar :

- kerana perbuatan itu dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi 1
- kerana perbuatan itu dapat mengikis sikap negatif dalam diri 1
- kerana perbuatan itu dapat mengelakkan berlakunya perkara buruk 1
- kerana perbuatan itu dapat menimbulkan rasa hormat orang lain kepadanya 1

[Maksimum : 3 markah]

*(Alasan wajar lain yang berkaitan boleh diterima)

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 2(d) : Sajak**(i) Kebaikan :**

- Menjadikan negara aman dan makmur 1
- Rakyat hidup bersatu 1
- Menyatupadukan rakyat pelbagai keturunan / bangsa / etnik 1

(ii) Usaha :

- Mengeratkan perpaduan dalam kalangan rakyat 1
- Menyuburkan rasa cinta akan negara dalam diri setiap warganegara 1
- Memupuk rasa toleransi dan saling menghormati antara rakyat pelbagai kaum 1
- Usah menimbulkan perkara yang boleh menyinggung perasaan mana-mana pihak 1

[Maksimum : 3 markah]***(Usaha lain yang berkaitan boleh diterima)****(iii) Dua persoalan :**

- Tanggungjawab menjaga kedaulatan negara – terus menikmati kemajuan 2
- Kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat – dapat menjamin keamanan negara dan rakyat hidup sejahtera 2
- Pengorbanan demi negara – pejuang negara terdahulu sanggup menggadaikan nyawa untuk mencapai kemerdekaan 2
- Menghargai jasa pejuang tanah air – generasi kini patut menghargai usaha generasi dahulu yang berjuang demi kemerdekaan watan 2

[Maksimum : 4 markah]***(Persoalan lain yang berkaitan boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada :

| | |
|-------------|------------|
| Soalan 3(a) | : 6 markah |
| Soalan 3(b) | : 6 markah |
| Soalan 3(c) | : 6 markah |
| Soalan 3(d) | : 6 markah |
| Soalan 3(e) | : 6 markah |

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

[Lihat halaman sebelah

Jawapan 3(a)

- (i) melawat 1. pergi mengunjungi (negara asing dll)
 2. menziarahi jenazah
- (ii) merawat - memelihara, menyelenggarakan, membela, menjaga (orang sakit dll) dengan memberi ubat dsb
- (iii) mengewap - menjadi wap, meruap
- (iv) menguap - membuka mulut lebar-lebar dan mengeluarkan nafas (sebab mengantuk dll)
- (v) mengelar - menakik-nakik, menggaris-garis (agak dalam), menetak atau menghiris (tidak sampai putus)
- (vi) menyelar 1. membubuh tanda dengan besi panas
 2. mengecap (dengan kata-kata), mengecam, membidas (dengan kerasnya)
 3. menggoreng (ikan dll)

[6 markah]**Jawapan 3(b)**

- (i) Kami telah melaksanakan tugas mengemaskinikan maklumat carta organisasi Persatuan Bahasa Melayu pada petang semalam.

Pada petang semalam, kami telah melaksanakan tugas mengemaskinikan maklumat carta organisasi Persatuan Bahasa Melayu.
- (ii) Kami sangat memerlukan bimbingan awak untuk memastikan kertas kerja yang disediakan menepati format yang dikehendaki.
- (iii) Kementerian Pendidikan melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia adalah untuk melonjakkan kualiti pendidikan di negara ini.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Jawapan 3(c)

- (i) mengabadi - mengabadikan
baiografi - biografi
- (ii) penuh - memenuhi
spesifikasi - spesifikasi
- (iii) berprofil - berprofil
mengetahui - dikenali

[6 markah]**Jawapan 3(d)**

- (i) preskripsi - persepsi
masa kini - masa ini / kini
- (ii) sambil - dengan
hipotesis - hipertensi
- (iii) herbivor - herba
perubahan nilai - nilai perubahan

[6 markah]**Jawapan 3(e)**

- (i) Ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya
- (ii) Orang lain makan nangka, orang lain yang kena getahnya / Lain bengkok, lain bernaah / Lain yang untut, lain yang mengisut
- (iii) Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

[6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a)
- i) Jawapan mesti berdasarkan **sebuah** novel yang dikaji.
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 - iii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang berkaitan persoalan kegigihan mencapai kejayaan dan ketabahan menghadapi dugaan.
 - iv) Beri 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
 - v) Markah isi, maksimum 4 markah.
 - vi) Markah bahasa, maksimum 3 markah.
 - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 - ix) Calon yang tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b)
- i) Jawapan mesti berdasarkan **sebuah** novel yang dikaji.
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 - iii) Beri 1 markah untuk **pengakhiran** yang dikemukakan.
 - iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian yang lengkap / jelas.
 - v) Markah isi, maksimum 6 markah.
 - vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah.
 - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, berikan 1 markah untuk bahasa.
 - ix) Calon yang tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 4(a)**Persoalan kegigihan mencapai kejayaan****Novel Leftenan Adnan**

1. Adnan gigih berlatih supaya dapat membuat persembahan terbaik dalam syarahan Bahasa Inggeris walaupun dia diejek oleh rakan-rakannya. Akhirnya dia berjaya menjadi johan.
2. Adnan dan Mamat gigih berusaha untuk pergi ke Port Dickson bagi menghadiri temu duga menjadi askar. Mereka berbasikal dari rumah ke Pekan Sungai Ramal dan dari situ mereka berjalan kaki ke Kajang. Dari Kajang pula mereka menumpang lori hingga ke Seremban. Mereka sekali lagi terpaksa menumpang lori untuk ke Port Dickson. Kegigihan ini akhirnya membuahkan hasil apabila mereka berjaya menjadi askar.
3. Adnan berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan pangkat yang lebih tinggi dalam kerjayanya semasa berada dalam pasukan ketenteraan. Beliau berjaya dalam peperiksaan sehingga berjaya dinaikkan pangkat menjadi leftenan.
4. Sophia, isteri Leftenan Adnan, gigih berusaha memelihara kedua-dua anaknya selepas kematian suaminya. Walaupun kini beliau bergelar ibu tunggal, Sophia gigih menguruskan keluarganya selaku ibu dan ayah. Beliau membesarkan anak-anaknya dengan penuh kepayahan lantaran kekurangan dari aspek fizikal, mental dan harta. Sophia akhirnya berjaya walaupun berdepan dengan masalah yang tidak terjangka olehnya semenjak kematian suaminya.

Tirani

1. Waheeda gigih mengulang kaji pelajaran hingga berjaya menamatkan pengajiannya di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai dan memperoleh Ijazah Pengurusan dan Pelancongan.
2. Zahid gigih belajar di Amerika Syarikat sehingga memperoleh sarjana dalam bidang undang-undang.
3. Waheeda gigih berusaha mendapatkan pinjaman daripada tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas.
4. Sebagai pengusaha Chalet Tajau Emas, Waheeda gigih berusaha mengembangkan perniagaan di bawah sektor pelancongan dengan menyediakan pakej pelancongan yang berbentuk ekopelancongan dan agropelancongan kepada para pengunjung dan akhirnya dia berjaya mengembangkan sayap perniagaannya.

[Lihat halaman sebelah

5. Waheeda gigih memajukan Chalet Iwana-Iwani yang dibelinya daripada Pak Cik Aziz kerana chalet itu hampir bankrap dan memajukannya dengan menggunakan nama Aya-Sajinah.

Persoalan ketabahan menghadapi dugaan

Novel Leftenan Adnan

1. Penduduk Pekan Sungai Ramal tabah menghadapi kesusahan hidup semasa pemerintahan Jepun. Peniaga-peniaga Cina menutup kedai kerana takut akan keganasan Jepun. Penduduk kampung hidup dalam serba kekurangan dan mereka terpaksa makan ubi kayu, pisang dan apa-apa sahaja yang boleh menjadi alas perut.
2. Sophia tabah menghadapi saat kehilangan anak perempuannya kerana demam panas.
3. Sophia tabah menghadapi dugaan kehilangan suami dan terpaksa bekerja keras mengusahakan ladang dan sawah untuk menyara anak-anaknya.
4. Sophia tabah dan reda akan ketentuan Allah bahawa dia menghidap leukemia.

Novel Tirani

1. Waheeda tabah menghadapi ejekan rakan-rakannya semasa kecil kerana berhidung pesek.
2. Waheeda tabah dituduh curang oleh Zahid yang cemburu melihat kemesraannya dengan Halloway dan Dr. Rushdi.
3. Waheeda tabah menghadapi liku-liku kehidupan selepas diceraikan oleh Zahid.
4. Waheeda tabah membesarkan anaknya, Izzati sehingga berjaya.
5. Waheeda tabah menghadapi dugaan terpaksa berpisah dengan anaknya kerana ingin memajukan Chalet Aya-Sajinah.
6. Waheeda tabah menghadapi sikap Zahid yang cemburu buta dan panas baran.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4(b)**Pengakhiran Novel Leftenan Adnan**

Pada 15 Ogos 1945, Jepun telah menyerah kalah dengan pengeboman Hiroshima dan Nagasaki. Tanah Melayu diperintah oleh British semula dan rakyat memulakan kehidupan baharu dengan mengerjakan ladang dan sawah. Sophia membesarkan anak-anaknya dengan mengerjakan sawah dan menoreh getah sebelum berkhidmat sebagai guru semula di sekolah Sungai Ramal. Akhirnya Sophia berkahwin dengan Ustaz Ridwan dan berpindah ke Melaka. Setelah empat tahun perkahwinannya, Sophia disahkan menghidap penyakit leukemia dan akhirnya meninggal dunia.

Pengakhiran ini menarik minat saya kerana terdapat beberapa keistimewaan yang dapat dijadikan panduan dalam kehidupan.

1. Kebebasan yang diperoleh setelah sekian lama hidup sengsara semasa pemerintahan Jepun menyedarkan kita betapa berharganya erti kemerdekaan dan perlu dijaga agar kesengsaraan akibat penjajahan itu tidak akan berulang.
2. Kebahagiaan yang diperoleh Sophia setelah berkahwin dengan Ustaz Ridwan mengajar kita bahawa kesedihan dan keperitan yang kita lalui akan mendewasakan kita dan segala kesusahan itu hilang apabila kita reda dan menerimanya dengan hati yang terbuka.
3. Keberanian Leftenan Adnan telah menyuntik semangat Sophia sehingga menjadikan Sophia tabah dan reda akan ketentuan Allah bahawa dia menghidap leukemia. Baginya, pengalaman yang dilaluinya telah mendewasakannya serta memantapkan fikirannya sebagai seorang wanita, ibu dan muslimah sejati. Hal ini perlu dijadikan teladan kerana dengan keredaan mengharungi pelbagai kesusahan menjadikan kita lebih bahagia di dunia dan di akhirat.

Pengakhiran Novel Tirani

Zahid dan Aiman yang kebetulan menginap di Chalet Aya-Sajinah berehat di Café Iwani dan bersembang tentang pelbagai perkara terutamanya perihal keinsafan Zahid atas kesilapan masa silamnya. Zahid menangis apabila memberitahu Aiman bahawa Izzati merupakan anak kandungnya dan Waheeda, ibu Izzati merupakan insan yang dicarinya selama ini. Zahid menemui Waheeda yang mengurungkan diri di dalam bilik pejabatnya. Zahid meluahkan penyesalan atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan Izzati. Waheeda yang terpaksa tidak mahu memaafkan Zahid tetapi Izzati meminta ibunya menerima permohonan maaf ayahnya kerana bagi Izzati memaafkan itu adalah lebih baik daripada berdendam.

[Lihat halaman sebelah

Pengakhiran ini menarik minat saya kerana terdapat beberapa keistimewaan yang dapat dijadikan panduan dalam kehidupan.

1. Pertemuan kembali sebuah keluarga yang telah terpisah sekian lama akibat rasa cemburu dan salah faham. Zahid sebenarnya telah lama mencari Waheeda dan anak kandungnya. Hal ini membuktikan bahawa kesungguhan dalam sesuatu perkara pasti akan membawa kejayaan.
2. Zahid menyesali perbuatannya menceraikan Waheda tanpa usul periksa kerana sikap cemburu butanya. Hal ini mendidik kita agar menyelidiki dahulu sesuatu perkara itu agar tidak menyesal pada kemudian hari.
3. Pujukan Izzati kepada Waheeda agar memaafkan ayahnya menunjukkan kemurnian hati seorang anak yang tidak berdendam terhadap ayahnya walaupun dia telah ditinggalkan sejak bayi lagi.
4. Kata-kata Izzati, iaitu memberikan kemaafan adalah lebih baik daripada berdendam menjadi pengajaran kepada kita bahawa manusia itu tidak sempurna dan tidak semestinya kesilapan pada masa lalu tidak dapat dibetulkan.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT